

Pas perlu suara wanita

UM - 27/5/2007

MUNGKINKAH pemilihan yang akan diadakan sempena Mukhtar Tahunan Pas ke-53 yang berlangsung di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik) Pengkalan Chepa dekat Kota Bharu, Kelantan mulai 1 hingga 3 Jun ini bakal menyaksikan wakil Muslimat menduduki barisan kepimpinan tertinggi parti tersebut?

Sukar untuk menjangka Pas akan menghalu ke arah itu. Namun jika ditinjau kembali perjalanan pemilihan sebelum ini, tanda-tanda untuk meletakkan Muslimat pada kedudukan tersebut memang ada.

Malah dua tahun lalu Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat telah pun membuka ruang dengan membayangkan agar perwakilan parti memberi laluan kepada calon-calon Muslimat.

Biarpun hasrat Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan itu mahu melihat wakil Muslimat turut membarisi saf kepimpinan tertinggi gagal, namun tidak terlalu mengecewakan apabila Dr. Lo'Lo' Mohd. Ghazali dan Dr. Siti Mariah Mahmud terpilih sebagai antara 13 ahli jawatankuasa (AJK) Pusat.

Pada pemilihan 2005, Dr. Siti Mariah yang bertanding jawatan Naib Presiden, tidak berjaya melangkah jauh apabila perwakilan rata-ratanya masih kurang mempercayai "kehadiran wanita."

Manakala Dr. Lo'Lo' yang juga pegawai perubatan di sebuah hospital swasta di ibu kota, awal-awal lagi "menarik diri" mungkin kerana menyedari tembok tersebut sukar "ditembusi."

Hakikatnya Dr. Lo'Lo' bukanlah nama baru dalam perjuangan parti itu kerana beliau telah tiga penggal dipilih menganggotai senarai AJK manakala Dr. Siti Mariah pula, itu adalah kejayaan pertamanya.

Sama ada nama Dr. Siti Mariah akan tercalon sekali lagi bagi kerusi Naib Presiden hanya akan terjawab hari ini (27 Mei) apabila jawatankuasa pemilihan membuka peti undi pencalonan. Untuk melayakkan seseorang itu bertanding bagi jawatan peringkat Pusat, dua pencalonan diperlukan manakala satu pencalonan untuk jawatan dalam Dewan Pemuda atau Dewan Muslimat.

Jika nama Dr. Siti Mariah diumumkan, bermakna ini membuka peluang kedua kepada suara wanita. Tentu juga harapan yang disandarkan kepadanya cukup besar. Tetapi ini terpulang kepada beliau sama ada mahu atau tidak menerima cabaran tersebut.

Sekiranya menerima, perjalanannya masih dilihat berliku kerana jawatan Naib Presiden antara yang menjadi pilihan ramai. 'Cakap-cakap belakang' membayangkan kira-kira 10 orang telah pun dicalonkan setakat semalam.

Antara nama yang disebut-sebut ialah Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, Mahfuz Omar dan Ahmad Awang selain beberapa muka baru termasuk Mujahid Yusuf Rawa dan Dr. Mohd. Hatta Ramli.

Kepimpinan

Mengulas tentang kehadiran suara wanita di barisan kepimpinan tertinggi, pemerhati politik, Prof. Madya Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, merupakan satu keperluan bagi Pas membuka ruang yang lebih besar kepada wanita untuk sama-sama bersuara di dalam parti.

"Saya melihat ini bukan lagi soal sudah sampai masanya tetapi sebagai satu keperluan," katanya kepada *Mingguan Malaysia* ketika dihubungi baru-baru ini.

Ramai sependapat dengan pensyarah Universiti Utara Malaysia itu. Salah seorang pemimpin Muslimat ketika ditanya realiti tersebut juga mengakui, Pas wajar mempunyai suntikan baru.

"Para perwakilan harus berani melakukan perubahan jika mahu Pas terus relevan," katanya yang enggan



DR. SITI MARIAH MAHMUD

dikenali sambil menambah, pucuk pimpinan juga harus bersikap lebih terbuka.

Hakikat yang harus diterima oleh semua parti yang ada di dalam negara ini ialah wanita merupakan pengundi yang lebih komited dan setia berbanding lelaki. Malah golongan ini muncul sebagai kumpulan terbesar yang akan menentukan arah tuju kepimpinan sebuah kerajaan.

"Dalam hal ini, kalau Pas tidak responsif pastinya ia akan dianggap parti yang meminggirkan wanita," jelas Dr. Mohamed Mustafa lagi.

Di sebalik kemelut itu, Dr. Mohamed Mustafa percaya walaupun Pas sememangnya nampak kepentingan untuk meletakkan wakil Muslimat di barisan hadapan, tetapi ada sebab-sebab tertentu yang

menghalang usaha itu diteruskan.

"Ada satu segmen yang kuat terhadap peranan dan sumbangan wanita menyebabkan wujudnya pertembungan pendekatan, misi dan persepsi. Di pihak Muslimat, memang mereka mengharapkan diberi banyak tempat, begitu juga kumpulan progresif tetapi masih ada ulama konservatif yang sukar menerima hakikat ini, faktor gender masih menjadi keutamaan mereka," kata beliau.

Memetik kata-kata seorang lagi pemimpin Muslimat, "Saya yakin pucuk pimpinan memang nampak keperluan wanita untuk berada di barisan tertinggi bersama-sama kepimpinan lelaki tetapi adakah ini adalah masa yang ditunggu-tunggu, saya pun tidak begitu pasti," membayangkan 'personaliti' Pas itu sendiri yang kurang yakin untuk berhadapan dengan sebarang perubahan.